



Abdullah Awang atau nama sebenarnya, Abdullah Awang Kekik berkelulusan Sarjana Linguistik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menghasilkan karya seperti puisi, cerpen, novel dan rencana.

Profil penulis

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Kembara, BH Ahad melalui e-mel bhsastera@bh.com.my. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,600 perkataan.

BILA AIR SUDAH KERING

Bila air sudah kering, baruh sudah tidak dikenali baruh lagi. Dahulu, kalau hendak pergi memukat ikan sudah tentu mereka menghalakan langkah ke tempat berkenaan. Ke mana lagi kalau tidak ke Baroh Ketong, Baroh Mok Lara, Baroh Atas Pasir, Baroh Perigi. Di situlah kawasan selalu mengena ikan puyu, haruan, keli menjadi sumber rezeki. Kini sudah segalanya hilang dalam lipatan sejarah, dikenang oleh golongan tua semakin pupus dan bertambah tiada, kecuali masih tertinggal catatan dalam buku dan dalam cerita. Bukan sebuah realiti seperti yang mereka saksikan dengan mata kepala. Itulah sebuah kenyataan yang harus diterima. Bertahun-tahun baruh dinaiki rumput menerong itu tak pernah surut. Setahu Mat Deris, semenjak dia ingat, akhir tahun 1950-an, 1960-an dan awal 1970-an, air tak pernah kering. Cuma yang Mat Deris perasan ialah suasana Baroh Ketong bertambah sepi, setelah manusia tidak lagi menjadikan kawasan lurah sawah padi dalam itu sebagai sumber rezeki. Mat Deris masih boleh mengingati, betapa pada musim tengkujuh, Baroh Ketong itulah tempat mula-mula dinaiki air. Walaupun suasana tengkujuh menutup pandangan petani dan kelihatan redup sepanjang hari, tetapi permukaan air di Baroh Ketong tetap bersinar oleh pantulan malap matahari ke muka genangan air lutsinar. Zaman dahulu, baruh itu menjadi pengecaman kepada penduduk kampung sekitar. Dari Kampung Banggul Ubi Keling, Kampung Nibong, Kampung Bechah Kida, Kampung Padang Mukom, Kampung Tok Dap, Kampung Bunut Budu, Kampung Gelam, Kampung Kedepel, Kampung Morkel, Kampung Binjal, Kampung Bemban, Kampung Lakar, baruh ini boleh dilihat dengan jelas kerana kawasan bercucuk tanam petani di situ. Ketika orang kampung menanam padi musim, selama enam bulan mereka akan turun ke bendang, dari mula menggembur tanah dengan hanya mengguna kerbau dan lembu untuk membajak sawah, menabur benih padi di petak khusus, sehinggalah menenggal petak-petak sawah di sekitar baruh, juga kawasan daratan. Bila selesai melakukan kerja pertanian seperti itu, selama enam bulan pula mereka mem-

beri tumpuan kepada kegiatan lain. Mat Deris masih ingat kesemuanya itu. Masih ternampak dalam kepalanya, betapa kehidupan masa itu cukup susah, sengsara tetapi menarik untuk dikenang. "Sudah tiada!" Getus hati kecil Mat Deris. Kakinya melangkah menyusuri jalan baharu sahaja diturap minyak tar keliling baruh tersebut. "Kesemuanya sudah hilang tetapi masih rasa sangat baru dalam kenanganku." Sambung bisikan Mat Deris lagi. Pagi ini, sengaja Mat Deris mahu berjalan mengelilingi kampung itu menuju belakang Klinik Kesihatan. Dahulu, tempat itu hanya ada batas dan permatang sawah yang putus-putus dan becak. "Sekarang semua sudah tiada. Tetapi dalam kepalaku, masih tetapi terungkap segala-galanya. Dengan haruman bunga padi, decup-decup ikan di dalam air, daun-daun padi terhampar persis permaidani, gerakan-gerakannya ke hulu dan ke hilir umpama orang menari dan berjoget. Oh, memang mengasyikkan." Perasaan Mat Deris berkepul dan berkelun dalam senak dadanya. Dia sampai berdekatan Baroh Atas Pasir. Di situ ada sebuah perkampungan lama ditinggalkan orang. Mat Deris masih teringat, seorang bangsa Siam memeluk Islam tinggal di perkampungan lama itu. Mata Mat Deris menyelusupi ke dalam kawasan rumah seram itu. Tok Che Hat, itu nama diberikan oleh orang ramai. Rumah berbentuk potong Perak itu selalu dikunjungi oleh manusia dari serata cerok. Mat Deris masih teringat, suatu ketika ada sekumpulan kaki judi cuba buka "bong" perjudian berdekatan dengan rumah Tok Che Hat itu, tetapi tidaklah begitulah, pihak berkuasa datang, memburu kaki judi, dan menutup "bong" tikam cat jeki. ewok, pelage sepilar dan pelage ayam. "Ah, itu kubur budak mati dibunuh. Bukan satu, tetapi dua, tiga, empat, lima, enam. Oh, banyak!" Bulu roma Mat Deris tiba-tiba meremang berdiri. Baharu Mat Deris teringat kerja Tok Che Hat ialah mencekik bayi dalam perut perempuan mengandung di luar nikah. Amat menakutkan. Kerja haram. Bukan sahaja mengandung sebelum dijab-kabul, tetapi dihunuh pulak.



Mat Deris tak sampai hati hendak berlama-lama di situ. Ada misteri yang tak mungkin dirungkaikan oleh sesiapa. Tetapi Allah Maha Tahu. Dia tahu tetapi mahu ceritakan kepada siapa, kecuali kepada ilahi. Penduduk kampung tahu, tetapi hendak buat macam mana. Kesemuanya sudah tidak ada. Tok Che Hat sudah jadi gemulak. Kemudian ilmunya diperturunkan kepada Mak Ite Berahim. "Waduh... Ngeri sungguh, bila terkenangkan wajah Mak Ite Berahim. Macam wajah dalam drama pula. Tapi semakin dunia moden, semakin ramai yang mengandungi diluar nikah. Makin ramai orang memerlukan khidmat Mak Ite Berahim. Apa sudah jadi." Keluh Mat Deris. Kini, Mat Deris sampai di sebuah titi kecil yang sudah dibubuh dengan kalbox besar. Di hadapan kalbox itu terdapat sebuah telaga ikan besar milik penduduk di situ. Mat Deris berdiri lama atas kepala kalbox, sambil memerhatikan sebelah atas di mana terletaknya Baroh Atas Pasir. Seseekali Mat Deris memusingkan kepalanya untuk melihat satu alur perparitan menghala ke sungai Kelantan. Saluran perparitan itu dikenali sebagai Parit Perigi atau Baroh Perigi. "Ke bawah lagi ialah Kampung Kelar-Joho, dan terus ke Kelar-Terumbu sebuah perkampungan tradisi Cina. Saluran air perigi ini mempunyai saiz ke dalam yang luar biasa. Kerana itu merupakan terusan zaman dahulu kala. Yang mempunyai sejarah tersendiri, sebab dahulu terusan merupakan jalan utama manusia untuk ke mana-mana sahaja." Kata Mat deris. Mat Deris meneruskan langkahnya menyusuri Kampung Nibong, melalui celah-celah pokok senduduk. Di situ Mat Deris terpancang dengan jelas kedudukan kawasan baruh padi

milik penduduk Nibong. Salah satunya milik seorang jutawan muda bernama Shafein. Dia membeli tanah baruh itu seluas empat puluh hektar. Ketika dia beli tanah berkenaan, memang sangat dalam dan sukar untuk ditanam dengan pokok getah. "Kau nak buat apa dengan tanah itu Ein?" Tanya jiran Shafein. "Aku nak buat Legoland atau Sunway Lagoon." Jawab Shafein tergelak. Tetapi tidak ada orang mentertawakan Shafein, kerana kata-kata orang kaya, walaupun nampak bersahaja, penuh dengan isi. "Hah, Legoland? Sunway Lagoon? Gila kau Ein!" Balas Mamat, jiran Shafein. "Hahaha... Saja, aku buka bual dengan kamu ni." Jawab Shafein. "Aaaaa tak mustahil bagi kau, tetapi mustahil bagi kami." Pintas Mamat. "Mmmm.Okey ke kalau aku buat pusat hiburan macam tu di sini?" Shafein persis minta jawapan logik dari pencatuk kedai kopi. "Ada duit, semua jadi Ein. Tak ada duit, semua lari." Jawab seseorang jauh dari sisi Shafein. "Iya tak ya jugak. Baiklah, taukeh, kira semua, berapa?" Balas Shafein. "RM 11.50 sen saja, tuan." Jawab tuan kedai. Mat Deris masih teringat perbualan itu. Walaupun Mat Deris hanya datang untuk membeli tembakau Jawa di kedai berkenaan, sempat juga dia minum teh dan berbulat kosong termasuk mendengar celoteh orang kaya Shafein. Sekarang baruh Atas Pasir jauh ditinggalkan di belakang. Kini Mat Deris sampai di Baroh Ketong. Masih ada lagi saki-baki air dalam lopak. Tetapi dalam kebun getah. Dahulu di situlah penduduk keliling-kelalang datang menahan pukut. Kini, yang ada hanya pohon-pohon getah sudah ditoreh. "Deris! Deris! Tolong aku!" Sebuah suara dari balik rumput menerong kedengaran meraung sekuat hati. Dia tahu orang paling dekat dengannya

ialah Mat Deris. "Oooiii. Kenapa Jak?" "Mari, tolong aku. Anakonda belit betis aku! Cepat!" Mendengar jawapan itu, Mat Deris terus mencampakkan pukatnya, mencapai golok dan berlari kearah kawannya, yang sedang berjuang mempertahankan nyawa dari serangan ular sawa batik. "Bertahan Jak. Bertahan. Nanti aku hiris tubuhnya." Nasihat Mat Deris. Dengan cekatan tangan Mat Deris melibas ke



tubuh ular sawa batik kelaparan itu. Ekor ular sebesar paha itu sedang meliar mencari lubang hidung Razak. Apabila ular itu terus tubuhnya dicerut oleh mata golok, dan darah kelihatan berseburan dalam air baroh, dia melonggarkan belitan serta terus melarikan diri. "Terima kasih Yeh!" Kata Razak, semput. "Sama-sama. Nasib baik aku cepat sampai. Lima minit lagi, kau mati di situ." Jawab Mat Deris. Mat Deris mengeluh panjang. Dia teringatkan Razak, sahabat kampung jiran, selalu didekatinya bila ada sebarang masalah. Razak sudah lama jadi arwah. Dia meninggalkan dunia akibat kencing manis. Semuanya tersimpan dalam kenangan Mat Deris. Dari situ, Mat Deris ke Baroh Mok Lara. Kemudian terus ke titi Gutong. Sekarang, jalan air dari Danau Toban sudah tertutup. Projek perumahan di belakang Klinik Kesihatan, membuatkan pemandangan terhalang. Pekan Cowboy dan jalannya sukar untuk dilihat oleh pengguna titi Gutong. Yang mereka nampak hanyalah bangunan-bangunan moden semakin hari, semakin menutup dataran subur sawah bendang. Ketika Mat Deris sampai di Tok Dap, seseorang berhenti dengan kereta kancil buruk dan menumpangkan Mat Deris untuk kembali ke rumahnya.

Sudut puisi



tidak bersayap; memamah kitab-kitab dengan lahap mencarik-carik waadat pertiwi melukai pepohon bahasa dan budaya

Wahai orang yang berselimut! Mimpi tidak lagi berbianglala bintang tidak lagi menjadi kerongsang menghiasi mimpi-mimpi atau menemani.

Rosman Md Shah
Kudus, Jawa Tengah.



LELAKI TUA DAN CERMIN USIANYA

Lelaki berjersi tua itu menyidi kedut di cermin usia mengira-ngira garis petanda retak nisan percaya sebelum kilas ingatan tercalar menjadi kerikil melata terbakis di gurun pertemuan menyalut hablur penyesalan membasuh segala keruh yang bergumpal iktibar agar masih boleh melihat ke dasar.

Lelaki berjersi tua itu menongkat masa silam dengan tulang rapuhnya bersendalkan pengorbanan memikul di belikat zaman kerana dia tidak pernah menyangkal detiknya bakal tiba saat bingkai cerminnya akan tertanggal dari pembuluh waktu

dia pun terasa kerdil saat mencari sudut memasuki rekah diri sebelum diselubungi kafan pengganti jersi kelananya.

Siti Zaiton Ahmad
Pinggiran Tapah

SEPASANG SAYAP DOA

kami sepasang -- kami kenal siapa yang menyangkutkan harap pada sayap kami untuk disampaikan ke negeri jauh yang asing namun benar

yang kami bawa adalah kata-kata tanpa suara mohon dibasahkan ke mana hujan mencurah -- wahai dingin, ini gigil segala resah segala payah namun indah

kami dukung suasana -- segala angin, segala hujan dalam diam yang riuh bak sayup-sayup suara serangga yang kian ke mari dari perbukitan jauh

di sayap kami, bergantunglah wahai debu untuk sampai ke negeri jauh yang asing namun benar bukan di jalan-jalan, di padang-padang lagi tempatmu atau dalam kolam kesukriaan yang kian melarutkan bayang sendiri melainkan di sana. sana...

Zaen Kasturi

BAYANG-BAYANG TIDAK BERSAYAP

Dari celahan warna-warna mimpi muncul bebayang yang kejam mata merah menyala, berkepala dan tubuh menjengah lena para pemimpi di ranjang.

Malam itu marhaen bermimpi panjang: dusun dan ladang kemarau dalam tengkujuh petani kehilangan sawah dalam subur ikan-ikan lemas di air yang tenang. Bayang-bayang itu